

MAHATHIR-PEMBANGUNAN ''

1984

KOTA KINABALU, 20 FEB. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERHARAP KERJASAMA ERAT DI KALANGAN ORANG-ORANG POLITIK DARI SABAH, SARAWAK DAN SEMENANJUNG AKAN MENULAR PULA KEPADA GOLONGAN-GOLONGAN LAIN AGAR AKHIRNYA PERPADUAN TEGUH AKAN TERCAPAI DI NEGARA INI.

KATANYA KHEMAH-KERJA POLITIK YANG SEDANG BERLANGSUNG ANTARA PARTI UMNO, BERJAYA DARI SABAH DAN PBB DARI SARAWAK ADALAH AMAT BESAR ERTINYA KERANA IA AKAN MEMBAWA HUBUNGAN YANG LEBIH ERAT ANTARA WILAYAH SEPERTI YANG DIIDAM-IDAMKAN.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA DI HARI TERAKHIR LAWATAN TIGA HARINYA KE SABAH HARI INI, PERDANA MENTERI GEMBIRA KERANA PENDUDUK SABAH KINI TIDAK LAGI MENGANGGAP DIRI MEREKA TERASING TETAPI MERUPAKAN SEBAHAGIAN RAKYAT MALAYSIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP PENDUDUK NEGERI INI AKAN MENGUBAH CARA HIDUP DAN SIKAP MEREKA JIKA INGIN MENIKMATI KEJAYAAN SEBAGAIMANA YANG DINIKMATI OLEH LAIN-LAIN PENDUDUK.

BELIAU MENGINGATKAN BAHAWA SESUATU KEJAYAAN ITU TIDAK AKAN TERCAPAI MENERUSI PEMBERIAN ORANG LAIN TETAPI HENDAKLAH ATAS DAYAUSAHA DIRI SENDIRI. -- LAGI 1745/ZI

ICIC 8635:

MAHATHIR-PEMBANGUNAN 2 KOTA KINABALU

KATANYA JIKA CARA HIDUP DAN SIKAP PENDUDUK NEGERI INI DIUBAH, SABAH YANG KAYA DENGAN TANAH YANG SUBUR UNTUK BERCUCUK TANAM, AKAN MAJU DALAM MASA YANG SINGKAT SAHAJA.

MENGENAI LAWATANNYA KE BEBERAPA PROJEK PEMBANGUNAN DI KUNDASANG, PERDANA MENTERI MENDAPATI BAHAWA PEMBANGUNAN YANG, SEDANG DINIKMATI DISABAH KINI AMAT PANTAS DAN TELAH MENGALAMKAN BANYAK PERUBAHAN.

INI MENUNJUKKAN BAHAWA USAMA-USAHA YANG DIJALANKAN OLEH KERAJAAN NEGERI KE ARAH MEMBAIKI TARAF HIDUP RAKYATNYA TELAH BERJALAN DAN DILAKSANAKAN DENGAN BAIKNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KEMUDIAN MENCADANGKAN AGAR DIJALANKAN KEMPEN PENGIKLAMAN UNTUK MEMPERKENALKAN LAGI SECARA MELUAS TEH YANG DIHASILKAN OK NALAPAK, KUNDASANG.

KEMPEN INI SUDAH TENTUKAN DAPAT MENINGKATKAN LAGI PEMASARAN TEH SABAH ITU TERUTAMA DI KALANGAN MASYARAKAT TEMPATAN YANG MENURUT BELIAU, MASIH KURANG GEMAR AKAN BARANG TEMPATAN. -- LAGI

MAHATHIR-PEMBANGUNAN 3 KOTA KINABALU

+SAYA PERCAYA USAHA-USAHA PENGGALAKAN I N K AKAN PASTI MENDATANGKAN
KEMAJUAN KEPADA TEHSABAH, SEBUAH SYARIKAT MILIK KERAJAAN NEGERI.
MENGENAI APARAGUS, BELIAU BERKATA TANAMAN INI MEMPUYAI POTENSI
BESAR UNTUK DIMAJUKAN OLEH PENDUDUK KAMPUNG D A L A M MENAMBAH PENDAPATAN
MEREKA DI MASA AKAN DATANG.

MENGENAI LABUAN, DATUK SERI O R. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA IA
BUKANLAH MERUPAKAN SEBAHAGIAN DEWAN BANDARAYA ATAU MAJLIS
PERBANDARAN KUALA LUMPUR TETAPI AKAN DILETAKKAN DI BAWAH JAGAAN
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN.

KATANYA KERAJAAN TIDAK BERHASRAT UNTUK MENYUSAHKAN MANA-MANA
PIHAK DALAM PROSES MEMUKARKAN PENTADBIRAN LABUAN DARIPADA KERAJAAN
SABAH KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN.

BAGAIMANAPUN, UJARNYA, PENGAWASAN PENTADBIRAN ITU AKAN TETAP
DIBUAT OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN APAJUA PENUKARAN PEGAWAI YANG
MUNGKIN DIBUAT PADA MASA AKAN DATANG AKAN BERGANTUNG KEPADA
KEPERLUAN PULAU ITU SENDIRI. -- LAGI 1755/ZI

ZCIC 8637:

MAHATHIR-PEMBANGUNAN 4 KOTA KINABALU

KATA PERDANA MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN MENYEDARI AKAN
PERASAAN PENDUDUK PULAU ITU DAN TIDAK BERHAJAT UNTUK +MEMIJAK
TUMIT+ TIDAK KETENTUAN.

+TETAPI ADA TUMIT YANG TERPAKSA DIPIJAK, ITU ADALAH PASTI,+
TEGASNYA LAGI KETIKA MENJELASKAN PERUBAHAN-PERUBAHAN YANG BAKAL
BERLAKU APABILA LABUAN MENJADS WILAYAH PERSEKUTUAN PADA 16 APRIL --
INI.

BAGAIMANAPUN, TEGASNYA LAGI, APA JUGA YANG BAKAL DILAKUKAN
OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN DI LABUAN KELAK ADALAH UNTUK KEBAIKAN
DAN KEPENTINGAN LABUAN SENDIRI.

KETUA MENTERI DATUK HARRIS SALLEH DAN DATIN BUIPIAH MENGETUAI
PEMBESAR-PEMBESAR TEMPATAN DAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KERAJAAN
MENGUCAPKAN SELAMAT JALAN KEPADA PERDANA MENTERI DAN ROMBONGAN.

DATIN SERI DR. SITI HASMAH ALI TELAH MENGIRINGI DATUK SERI
DR. MAHATHIR DALAM LAWATANNYA KE SABAH. -- BERNAMA 1800/ZI